

27/10/2001

Pelaburan Britain di Malaysia tidak terjejas

SERANGAN Amerika Syarikat (AS) terhadap Afghanistan tidak memberi kesan kepada pelaburan Britain di Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Perniagaan Malaysia-Britain (MBBC), Sir Patrick Gillam, berkata, tetapi pelabur negara itu ketika ini mungkin lebih berhati-hati dalam pelaburan mereka khususnya yang membabitkan pelaburan dalam jumlah yang besar.

"Sudah pasti ada kemungkinan perniagaan menjadi lebih berhati-hati untuk melabur dalam projek besar. Kebanyakan mereka bimbang mengenai banyak perkara," katanya ketika diminta mengulas mengenai minat pelabur Britain di negara ini selepas parti pembangkang PAS mengisytiharkan jihad ke atas AS berikutan serangan ke atas Afghanistan, di sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

Gillam, yang juga Pengerusi Kumpulan Standard Chartered Plc (StanChart), berada di Malaysia untuk menghadiri mesyuarat keempat MBBC.

Turut hadir di mesyuarat yang dihadiri 17 syarikat anggota dari Malaysia dan 14 syarikat Britain adalah Pengerusi Bersama jawatankuasa itu, Mirzan Mahathir.

Britain adalah pelabur ketujuh terbesar di sektor pekilangan Malaysia tahun lalu. Kebanyakan pelaburan adalah dalam sektor petroleum, kimia, kayu, getah, elektrik dan barangan elektrik.

Gillam berkata, pendirian Malaysia mengenai tindakan AS adalah jelas dan hubungan yang sedia terjalin antara Britain dan Malaysia menolak sebarang isu yang cuba dibangkitkan daripada perkembangan semasa.

"Kami faham kedudukan Malaysia. Ia bukanlah satu isu dan saya tidak melihat sebarang kesan sebaliknya daripada perkembangan semasa," katanya.

Gillam berkata, yang paling teruk terjejas akibat tragedi 11 September lalu, yang menyaksikan serangan ke atas New York dan Washington, adalah industri penerbangan.

Ditanya mengenai ukuran kadar penurunan perniagaan selepas serangan itu, beliau berkata, ia sukar untuk diukur memandangkan ketidaktentuan pasaran ketika ini.

Bagaimanapun, Gillam berpendapat, industri insurans akan menerima kesan paling besar.

Secara umumnya pula, beliau berkata, kebanyakan negara akan berdepan keadaan sukar.

(END)